



SIARAN MEDIA

AKTA 317 DIPERKASA: TIADA KOMPROMI TERHADAP PENCEROBOH SUMBER PERIKANAN NEGARA

ALOR SETAR, 16 Jun 2026 – Akta Perikanan (Pindaan) 2025 [Akta A1780] yang mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2026 menandakan langkah penting dalam memperkukuh tadbir urus sektor perikanan negara, membanteras aktiviti penangkapan ikan secara tidak sah, tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia (Illegal, Unreported and Unregulated Fishing – IUU Fishing), serta melindungi sumber perikanan demi keterjaminan makanan negara.

Pindaan kepada Akta Perikanan 1985 [Akta 317] itu memperkenalkan beberapa peruntukan baharu dan penambahbaikan yang bertujuan memperkukuh keberkesanan penguatkuasaan, meningkatkan perlindungan terhadap sumber perikanan serta memastikan pengurusan perikanan negara terus relevan dengan cabaran semasa.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata, penguatkuasaan akta yang diperkasakan ini memberi mesej jelas bahawa Malaysia tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang mengeksploitasi sumber perikanan negara secara tidak sah dan tidak bertanggungjawab.

“Akta 317 bukan sekadar meningkatkan hukuman, malah menjadi instrumen penting dalam melindungi sumber marin negara dan memastikan kelestarian sektor perikanan untuk generasi akan datang. Tiada kompromi terhadap mana-mana pihak yang menceroboh, merosakkan atau mencuri khazanah laut negara.

“Penguatkuasaan yang lebih tegas ini amat penting bagi memastikan sumber perikanan negara terus terpelihara, kesejahteraan komuniti nelayan yang mematuhi undang-undang terus terbela serta bekalan makanan negara kekal terjamin,” katanya.

Antara penambahbaikan utama di bawah pindaan ini ialah peningkatan penalti terhadap kesalahan berkaitan IUU Fishing dan penggunaan kaedah penangkapan yang merosakkan sumber perikanan. Penalti am di bawah Seksyen 25 dinaikkan daripada RM20,000 kepada RM100,000, manakala kesalahan menggunakan bahan letupan, racun, pencemar, arus elektrik dan peralatan terlarang di bawah Seksyen 26 boleh dikenakan denda maksimum RM250,000 serta hukuman penjara sehingga lima tahun.

Bagi memperkukuh perlindungan biodiversiti marin, denda berkaitan gangguan terhadap mamalia akuatik dan penyu turut ditingkatkan sehingga RM250,000. Pindaan ini juga memperuntukkan denda maksimum sehingga RM1 juta bagi kesalahan yang menjejaskan kawasan taman laut dan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

rizab laut, selain menetapkan keperluan penggantian kawasan taman laut yang dibatalkan pengisytiharannya dengan kawasan baharu yang setara dari segi keluasan dan ekosistem.

Selain itu, Ketua Pengarah Perikanan diberikan kuasa untuk menyekat pesalah yang lesennya dibatalkan di bawah Akta 317 daripada memohon lesen baharu bagi tempoh tidak melebihi lima tahun. Akta ini turut memperkenalkan peruntukan baharu yang membolehkan larangan aktiviti perikanan di kawasan tercemar seperti kejadian *Harmful Algal Bloom* atau pencemaran kimia bagi memastikan keselamatan hasil perikanan yang dipasarkan.

Dalam memastikan pendekatan penguatkuasaan yang lebih seimbang, kadar minimum kompaun bagi kesalahan kecil dikurangkan daripada RM500 kepada RM100, manakala kesalahan menangkap ikan tanpa lesen yang melibatkan penggunaan peralatan penangkapan ikan tradisional kini boleh dikompaun sebagai mekanisme penyelesaian yang lebih praktikal tanpa menjejaskan pematuhan terhadap peraturan perikanan negara.

Bagi memastikan tahap kompetensi dan kesiapsiagaan anggota penguat kuasa sentiasa berada pada tahap terbaik, DOF turut melaksanakan Program Ujian Kemahiran Menembak (UKM) 2026 yang berlangsung hari ini di Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu, Kedah, melibatkan 72 anggota penguat kuasa daripada 14 Pangkalan Konservasi di seluruh negara.

Melalui pemerkasaan penguatkuasaan, penggunaan teknologi seperti Sistem Pemantauan Vesel (VMS) dan Sistem Pengenalpastian Automatik (AIS), serta kerjasama strategik bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), DOF komited untuk terus mempertahankan kedaulatan sumber perikanan negara demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian khazanah laut Malaysia.

-TAMAT-


Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan